UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



SESI 2026/2027

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA PSIKOLOGI DENGAN PENGURUSAN MARITIM (KEPUJIAN)

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN DEKAN	I
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)	II
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI	1
LATAR BELAKANG UMT	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL	3
MAKLUMAT AM	4
KEMUDAHAN MAKMAL	5
TUGAS DAN PERANAN MENTOR	7
PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
KETUA PROGRAM PENGAJIAN	11
PROGRAM SARJANA MUDA PSIKOLOGI DENGAN PENGURUSAN MARITIM (KEPUJIAN)	12

Kata Alu-aluan Dekan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi Akademik 2026/2027 dapat disempurnakan. Pada sesi ini, FPEPS menawarkan lapan program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA, iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi), Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), Sarjana Muda Perakaunan, Sarjana Muda Kaunseling, Sarjana Muda Kewangan, dan Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim, kesemuanya dengan Kepujian.

Fakulti mengalu-alukan kehadiran anda sebagai warga baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Tahniah kerana terpilih untuk melanjutkan pengajian di FPEPS. Manfaatkanlah peluang ini sebaik-baiknya sepanjang tempoh pengajian dengan komitmen, disiplin dan kesungguhan. Warga fakulti sentiasa bersedia untuk membimbing dan membantu anda mencapai kecemerlangan akademik, sahsiah dan peribadi.

FPEPS komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan berdaya saing yang memenuhi keperluan semasa serta kehendak dunia pekerjaan. Beberapa program turut mendapat pengiktirafan badan profesional, antaranya program Perakaunan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW, CIMA dan CPA Australia, program Kaunseling oleh Lembaga Kaunselor Malaysia, serta program Kewangan oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC). Fakulti juga disokong oleh tenaga akademik yang berkelayakan dan berpengalaman serta jaringan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang membuka ruang kepada pelajar untuk memperluas pengalaman dan jaringan antarabangsa.

Selain pembelajaran di dalam bilik kuliah, pelajar berpeluang menyertai pelbagai aktiviti akademik, kepimpinan, kesukarelawanan, mobiliti dan kokurikulum di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti. Penglibatan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti, program pengajian dan kelab-kelab pelajar akan membantu membentuk kemahiran insaniah, kepimpinan dan profesionalisme yang penting untuk menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda hendaklah sentiasa peka terhadap peraturan akademik serta memanfaatkan sepenuhnya peluang pembelajaran yang disediakan. Gunakan kemudahan dan teknologi digital secara berhemah bagi menyokong pembelajaran anda, di samping sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat apabila diperlukan.

Akhir kata, rancanglah pengajian anda dengan sebaik-baiknya, bina kecemerlangan secara konsisten dan bersedialah menghadapi cabaran serta perubahan dunia semasa. Semoga segala usaha anda membuahkan kejayaan yang memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadikanlah Buku Panduan ini sebagai rujukan sepanjang tempoh pengajian anda di FPEPS.

Selamat maju jaya. Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Nazli bin Aziz
Dekan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER I: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
27/9/2026 – 3/10/2026	**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU JALINAN MESRA**	
MINGGU 1-4 4 – 31/10/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 (Minggu 1 & 2 Sahaja)	
MINGGU 5-7 1 – 21/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur) ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 6 (8 & 9 November 2026)*	**Hari Deepavali** 8/11/2026 (Ahad)
MINGGU 8 22 – 28/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 29/11/2026 – 5/12/2026	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid Minggu 12 (24 Dis 2026) & 13 (27 Dis 2026)*	**Hari Krismas** 25/12/2026 (Jumaat)
MINGGU 14 3 – 9/1/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Israj Mikraj** 6/1/2027 (Rabu)
10 – 16/1/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
MINGGU 15-17 17/1/2027 – 6/2/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Tahun Baru Cina** 6 - 7/2/2027 (Sabtu - Ahad)
7/2/2027 – 6/3/2027	**CUTI ANTARA SEMESTER**	**Tahun Baru Cina (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 8/2/2027 (Isnin) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Rabu) **Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER I: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
27/9/2026 – 3/10/2026	REGISTRATION AND ORIENTATION FOR NEW STUDENTS	
WEEK 1-4 4/10/2026 – 31/10/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study - Application for Credit Transfer for First Year Student (Week 1 & 2 only)	
WEEK 5-7 1 – 21/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop) ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 6 (8 & 9 Nov. 2026)*	
WEEK 8 22 – 28/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop)	
WEEK 9 29/11/2026 – 5/12/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	CLASSES/ LECTURES ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 12 (24 Dec 2026) & 13 (27 Dec 2026)*	**Christmas Day** 25/12/2026 (Friday)
WEEK 14 3 – 9/1/2027	CLASSES/ LECTURES - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Israj Mikraj Holiday** 6/1/2027 (Wednesday)
10 – 16/1/2027	STUDY WEEK	
17/1/2027 – 6/2/2027	FINAL EXAMINATION - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Chinese New Year** 6 – 7/2/2027 (Saturday-Sunday)
7/2/2027 – 6/3/2027	SEMESTER BREAK	**Chinese New Year Holiday** 8/2/2027 (Monday) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Wednesday) **Sultan of Terengganu's Coronation** 4/3/2027 (Thursday)

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1 7 – 13/3/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 1 (7 – 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 5-7 4 – 24/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	**Hari Keputeraan Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Isnin) **Hari Pekerja** 1/5/2027 (Sabtu) **Hari Pekerja (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 2/5/2027 (Ahad)
MINGGU 9 2 – 8/5/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 11 (16 – 22 Mei 2027)*	**Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis) **Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 14 6 – 12/6/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Awal Muharram** 6/6/2027 (Ahad) **Hari Keputeraan YDP Agong** 6/6/2027 (Ahad)
13/6/2027 – 19/6/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER II: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1 7 – 13/3/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly hybridly Classes for Week 1 (7 & 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Wednesday - Thursday)
WEEK 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study	
WEEK 5-7 4 – 24/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	**Birthday Of Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Monday) **Labour Day** 1/5/2027 (Saturday) **Labour Day Holiday** 2/5/2027 (Sunday)
WEEK 9 2 – 8/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP) *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 11 (16-22 May 2027)*	**Arafah Day & Hari Raya Aidiladha** 16 - 18/5/2027 (Sunday -Tuesday) **Wesak Day** 20/5/2027 (Thursday)
WEEK 14 6 – 12/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Awal Muharam** 6/6/2027 (Sunday) **Birthday Of YDP Agong** 7/6/2027 (Monday)
13/6/2027 – 19/6/2027	**STUDY WEEK**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.

Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 25/7/2027– 7/8/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 8 – 14/8/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 15 – 28/8/2027	**KULIAH**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Ahad)
MINGGU 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Hari Kebangsaan** 31/8/2027 (Selasa)
MINGGU 9 5 – 11/9/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SHORT SEMESTER : SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study	
WEEK 3-4 25/7/2027 – 7/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 5 8 – 14/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 6-7 15 – 28/8/2027	**CLASSES/ LECTURES**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Sunday)
WEEK 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Merdeka Day** 31/8/2027 (Tuesday)
5 – 11/9/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-5 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkukuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 8 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

Program	Tahun
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim	3.5


PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KHUSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



MAKLUMAT AM

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	Baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	Lemah
40-44	D	1.00	
< 39	F	0.00	Gagal

SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 - 4.00	Cemerlang	Distinction
2.00 - 3.66	Kepujian	Honours

KEMUDAHAN MAKMAL



MAKMAL KOMPUTER



MAKMAL KAUNSELING









TRADING ROOM

TUGAS DAN PERANAN MENTOR

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**
  - Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**
  - Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**
  - Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**
  - Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**
  - Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktu pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**
  - Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**
  - Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.
- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.
- **Merujuk Kepada Pakar**
  - Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

DRESS CODE

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
- Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata.
- Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-

Berskirt di atas paras lutut	Berseluar jeans
Berbaju T tanpa kolar lengan	Berseluar / berskirt ketat
Berbaju tanpa lengan	Berselipar

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepasi paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

UMT

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU





BAJU KASUAL



BAJU FORMAL



BAJU KORPORAT



BAJU MELAYU / KURUNG



BAJU SUKAN

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Peraturan Etika Berpakaian Pelajar Universiti Malaysia Terengganu boleh mengimbas Kod QR yang tertera

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Seksyen Tajaan dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Terengganu melalui talian 09-6684323

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI



Profesor Madya Dr. Nazli Aziz

Dekan



Profesor Madya Dr Azwadi Ali

Timbalan Dekan (Akademik & HEP)



Profesor Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat

Timbalan Dekan (Siswazah)



Profesor Madya Dr. Zairihan Abdul Halim

Timbalan Dekan (Bakat & Penyelidikan)



Cik Wan Zawati Wan Jaafar

Penolong Pendaftar Kanan



Puan Syahirah Wahida Mohamad

Pegawai Eksekutif 9

KETUA PROGRAM PENGAJIAN

PRA-SISWAZAH



Ketua Program SM Kaunseling

Dr. Raba`Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusof



Ketua Program SM Perakaunan

Dr. Norazlina Ilias



Ketua Program SM Pengurusan (Pemasaran)

Dr. Sarina Ismail



Ketua Program SM Ekonomi (Sumber Alam):

Dr. Muhammad Najit Sukemi



Ketua Program SM Kewangan

Dr. Siti Nurain Muhmad



Ketua Program SM Pengurusan (Pengajian Polisi):

Dr. Norfatiha Othman



Ketua Program SM Pengurusan Pelancongan

Dr. Mohd Rahimi Abdul Halim



Ketua Program SM Psikologi dengan Pengurusan Maritim

Profesor Madya Dr Raja Zirwatul Aida

PASCA-SISWAZAH



Ketua Bidang Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Profesor Madya Dr. Hayatul Safrah Salleh



Ketua Bidang Sarjana Kaunseling

Profesor Madya Dr. Siti Salina Abdullah



Ketua Bidang Sarjana Ekonomi

Profesor Madya Dr.Mahirah Kamaludin



Ketua Bidang Sarjana Pengurusan Zon Pantai Bersepadu

Dr. Aleff Omar Shah Nordin

SENARAI PENSYARAH



Profesor Madya Dr R Zirwatul Aida Bt R Ibrahim
Penyelaras Program Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim (Kepujian)
PhD (Victoria University, Australia)
M.Sc Work & Organizational Psychology (University of Nottingham, UK),
B.HSc (Psychology) (IIUM)
Bidang Kepakaran: Psikologi Organisasi
zirwatul@umt.edu.my
09-6683864



Profesor Madya To' Puan Dr. Siti Nazilah Bt Mat Ali
PhD Psychology (UKM),
M.A. (Industrial & Organizational Psychology) (UKM)
B.IRKH (IIUM)
Bidang Kepakaran: Psikologi Sosial
nazilah@umt.edu.my
096683174



Profesor Madya Dr Madihah Bt Mohamad Shukri
PhD (University of Leeds, UK)
MSc (Educational Psychology) (UPM)
B.HSc (Psychology) (IIUM)
Bidang Kepakaran: Psikologi Kesihatan
madihah@umt.edu.my
096683847



Dr. Mohd Radzi Tarmizi Bin A.Halim
PhD (Psychology) (UKM)
Master of Social Sciences (Counselling Psychology) (UKM)
Bachelor Psychology (Industrial & Organizational Psychology) (UTM)
Bidang Kepakaran: Psikologi Bilazim
mohd.radzitarmizi@umt.edu.my
096683164



Profesor Madya Dr. Nor Aizal Akmal Bt Rohaizad
PhD (Educational Psychology) (UTM)
M. Ed (Educational Psychology) (UTM)
B.Sc (Economics) (UUM)
Bidang Kepakaran: Psikologi Pendidikan
aizal@umt.edu.my
096683276

PROGRAM SARJANA MUDA PSIKOLOGI DENGAN PENGURUSAN MARITIM (KEPUJIAN)

Program Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim (Kepujian) menawarkan suatu peluang pengajian yang unik melalui integrasi bidang psikologi dengan pengurusan maritim menggunakan pendekatan major-minor. Program ini menggabungkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang psikologi, pengurusan sumber manusia, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pengurusan maritim bagi membentuk graduan yang berupaya memahami dan menangani isu berkaitan manusia dalam persekitaran organisasi dan industri maritim. Pendekatan transdisiplin yang diterapkan membolehkan pelajar mengaplikasikan prinsip psikologi dalam memahami tingkah laku, emosi, kognitif, interaksi manusia-teknologi dan kesejahteraan dalam persekitaran kerja yang kompleks. Dengan itu, program ini dapat memupuk pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan penyelidikan serta keupayaan mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar. Keunikan program ini turut memberikan nilai tambah kepada pelajar untuk membina kompetensi dalam bidang psikologi dan maritim serta menyokong pembangunan modal insan dalam industri maritim.

Pelajar yang mengikuti program ini turut disediakan dengan panduan teori dan praktikal bagi membina kerjaya dalam sektor awam, swasta, komuniti dan industri maritim. Mereka berpotensi menceburi bidang seperti psikologi, pengurusan sumber manusia, pembangunan dan latihan serta kesejahteraan dan keselamatan pekerjaan, termasuk sebagai Pegawai/Eksekutif Psikologi, Pegawai/Eksekutif Sumber Manusia, Pegawai Pembangunan dan Latihan, konsultan dan penyelidik. Dalam konteks maritim, graduan boleh mengaplikasikan pengetahuan psikologi dalam pengurusan sumber manusia, faktor manusia, keselamatan dan kesejahteraan pelaut. Mereka juga berpotensi menjadi pencipta pekerjaan (job creator) melalui penyediaan perkhidmatan profesional seperti konsultansi dan latihan. Gabungan pengetahuan psikologi dan pengurusan maritim ini membolehkan graduan menyumbang kepada pembangunan modal insan dan menangani cabaran manusia, organisasi dan teknologi dalam industri maritim di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Syarat Kemasukan Program

1.	STAM	1. Mendapat sekurang-kurangnya JAYYID pada peringkat STAM. 2. Mendapat sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Biologi/Fizik/Kimia/Sains dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
2.	DIPLOMA/DVM/SETARAF	1. Memiliki Diploma (Tahap 4, MQF) dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon dengan PNGK 2.67 dan ke atas. 2. Mendapat sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Biologi/Fizik/Kimia/Sains dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan. ATAU Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)/Diploma Vokasional Malaysia tertakluk kepada kelulusan HEP/Lembaga Akademik. HEPs dikehendaki menjalankan saringan dan menyediakan *bridging courses* yang sesuai dalam Matematik dan Sains; ATAU 1. Memiliki Diploma (Tahap 5, MQF) dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon dengan PNGK 2.67 dan ke atas. 2. Mendapat sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Biologi/Fizik/Kimia/Sains dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
4.	MATRIKULASI / ASASI	1. Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat Matrikulasi/Asasi. 2. Mendapat sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Biologi/Fizik/Kimia/Sains dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

5.	STPM	1. Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat STPM. 2. Mendapat sekurang-kurangnya minimum Gred C dalam mana-mana dua mata pelajaran di peringkat STPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Biologi/Fizik/Kimia/Sains dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM. 4. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

Pindah kredit

KATEGORI	NO	KOD	KURSUS	KREDIT	CADANGAN SYARAT
Teras Umum Universiti	1	MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2	1. Jumlah kredit yang sama atau lebih tinggi 2. Gred minimum skor adalah C
	2	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	
	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2	
			Jumlah Kredit	**6**	
Teras Program	1	PSY3003	Pengantar Psikologi	3	1. Jumlah kredit yang sama atau lebih tinggi 2. Gred minimum skor B 3. Aras minimum taksonomi kognitif (C3) atau lebih tinggi di peringkat Diploma 4. Kandungan kursus pengajian adalah memenuhi 80% persamaan antara peringkat Diploma dan Ijazah
	2	PSY3033	Psikologi Perkembangan	3	
	3	PSY3043	Psikologi Personaliti	3	
	4	PSY3103	Psikologi Bilazim	3	
	5	PSY3213	Psikologi Industri & Organisasi	3	
	6.	PSY3173	Psikologi Sosial	3	
	7.	PSY3083	Psikologi Kesihatan	3	
			Jumlah Kredit	**21**	
	JUMLAH CADANGAN PEMINDAHAN KREDIT			**27**	
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT PENUH			**124**	
	% PINDAH KREDIT			**22%**	

Jumlah Kredit untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah **124** jam kredit. Agihan kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	17	14
Teras Program	77	62
Minor	30	24
Jumlah	**124**	**100**

Kurikulum Program

Kod	Teras Universiti	Kredit	Prasyarat
MPU3182	Falsafah dan Cabaran Semasa	2	-
MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa	2	-
MPU3152	Integriti dan Anti Rasuah	2	-
MPU3232	Pengenalan kepada Keusahawanan	2	-
COM3112	Bahasa Melayu Komunikasi	2	-
CCM3112	Santuni Komuniti	2	
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	-
CCXXXXX	Ko kurikulum	2	-

Kod	Teras Program	Kredit	Prasyarat
PSY3003	Pengantar Psikologi	3	-
PSY3063	Etika dalam Psikologi	3	-
PSY3013	Sejarah Psikologi	3	-
PSY3033	Psikologi Perkembangan	3	-
PSY3083	Psikologi Kesihatan	3	-
PSY3053	Psikologi Biologi	3	-
PSY3023	Psikologi Kognitif	3	-
PSY3173	Psikologi Sosial	3	-
PSY3043	Psikologi Personaliti	3	-
PSY3073	Kaedah Penyelidikan	3	-
PSY3113	Statistik dan Analisis Data	3	-
PSY3213	Psikologi Industri & Organisasi	3	-
PSY3223	Neuropsikologi	3	-
PSY3103	Psikologi Bilazim	3	-
PSY3093	Psikologi Pengujian	3	-
PSY3123	Psikologi Klinikal	3	-
PSY3133	Psikologi Kaunseling	3	-
PSY3143	Psikologi Positif	3	-
PSY3203	Modifikasi Tingkah Laku	3	-
PSY3153	Psikologi Forensik	3	-

PSY3233	Psikologi Ketidakupayaan	3	-
PSY3163	Motivasi dan Emosi	3	-
PSY3983	Projek Ilmiah Tahun Akhir	3	PSY3073 PSY3113
PSY3978	Latihan Industri	8	-

Kod	Minor	Kredit	Prasyarat
MMM3763	Prinsip Pengurusan Maritim	3	-
MMM3823	Pengurusan Sumber Manusia Maritim	3	-
MMM3883	Polisi dan Pengurusan Marin	3	-
MMM3663	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Maritim	3	-
MMM3753	Pemasaran Perkhidmatan Maritim	3	-
MMM3913	Undang-Undang Laut	3	-
MMM3843	Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan Global	3	-
MMM3933	Pengurusan Logistik Global	3	-
PSY3183	Seminar Psikologi Maritim	3	-
PSY3193	Psikologi Kejuruteraan Maritim	3	-

Objektif pembelajaran program (Program Educational Objectives – PEO)

Setelah tamat program Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim (Kepujian), graduan akan berupaya untuk:

PEO 1: Graduan yang berpengetahuan serta berkeupayaan mengaplikasikan konsep dan teori dalam bidang psikologi dan pengurusan maritim untuk menganalisis, mencadangkan, dan melaksanakan penyelesaian yang bersesuaian demi kesejahteraan sejagat.

PEO2: Graduan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan keusahawanan dalam melaksanakan tugasan di organisasi dan sektor maritim.

PEO3: Graduan yang berupaya mengaplikasikan pelbagai teknologi digital dan kemahiran numerasi dalam melaksanakan tugasan kerja.

PEO4: Graduan berupaya mempamerkan kemahiran interpersonal dan berkomunikasi secara berkesan dalam melaksanakan tugasan.

PEO5: Graduan yang mempunyai kemahiran personal dalam pembangunan diri dan kerjaya selaras dengan etika profesional.

Hasil Pembelajaran Program

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

PLO		Hasil Pembelajaran Program
PLO1	Knowledge & Understanding	Memahami konsep, teori serta prinsip dalam bidang psikologi dan pengurusan maritim.
PLO2 & PLO7	Cognitive & Numeracy Skills	Membandingkan teori psikologi, kajian lepas, reka bentuk penyelidikan dan analisis statistik dalam bidang psikologi untuk membuat penyelidikan asas dalam bidang psikologi dan pengurusan maritim
PLO3 & PLO6	Practical & Digital Skills	Mengorganisasi idea penyelidikan, strategi penyelidikan, pelaksanaan penyelidikan, penulisan penyelidikan dan pembentangan kajian dengan menggunakan teknologi digital yang sesuai
PLO4 & PLO5	Interpersonal & Communication Skills	Mempamerkan kemahiran interpersonal dan komunikasi berkesan dalam melaksanakan tugasan.
PLO8	Leadership, Autonomy & Responsibility	Menunjukkan kebolehan ciri-ciri kepimpinan serta berpotensi untuk berperanan sebagai ketua dan pemimpin yang berkesan.
PLO 9 & PLO10	Personal Skills & Entrepreneurial	Mempamerkan kesedaran kendiri, kreativiti, reflektif dan minda keusahawanan dalam pembangunan diri.
PLO11	Ethics & Profesionalism	Mematuhi piawaian etika dalam ilmu dan amalan berkaitan bidang psikologi dan pengurusan maritim

SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA PSIKOLOGI DENGAN PENGURUSAN MARITIM (KEPUJIAN)
SESI 2026/2027

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				**SEMESTER 2**			
COM3122	Bahasa Melayu Komunikasi *Communicative Malay Language*	(2+0)		PSY3083	Psikologi Kesihatan *Health Psychology*	(3+0)	
MPU3232	Pengenalan kepada Keusahawanan *Introduction to Entreprenuership*	(2+0)		PSY3053	Psikologi Biologi *Biological Psychology*	(3+0)	
MPU3152	Integriti & Anti Rasuah *Integrity & Anti-Corruption*	(2+0)		PSY3023	Psikologi Kognitif *Cognitive Psychology*	(3+0)	
PSY3063	Etika dalam psikologi *Ethics in psychology*	(3+0)		PSY3173	Psikologi Sosial *Social Psychology*	(3+0)	
PSY3013	Sejarah Psikologi *History of Psychology*	(3+0)		PSY3043	Psikologi Personaliti *Personality Psychology*	(3+0)	
PSY3033	Psikologi Perkembangan *Developmental Psychology*	(3+0)		PSY3073	Kaedah Penyelidikan *Research Methodology*	(3+0)	
PSY3003	Pengantar Psikologi *Introduction to Psychology*	(3+0)		MPU3182	Falsafah & Cabaran Semasa *Philosophy & Current Issues*	(2+0)	
JUMLAH		18		JUMLAH		20	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
PSY3113	Statistik dan Analisis Data Statistic and Data Analysis	(3+0)		PSY3093	Psikologi Pengujian Psychological Testing	(3+0)	
PSY3213	Psikologi Industri & Organisasi Industrial & Organizational Psychology	(3+0)		PSY3123	Psikologi Klinikal Clinical Psychology	(3+0)	
PSY3223	Neuropsikologi Neuropsychology	(0+3)		PSY3133	Psikologi Kaunseling Counselling Psychology	(3+0)	
PSY3103	Psikologi Bilazim Abnormal Psychology	(3+0)		PSY3143	Psikologi Positif Positive Psychology	(3+0)	
MMM3763	Prinsip Pengurusan Maritim Principle of Maritime Management	(3+0)		MMM 3883	Polisi dan Pengurusan Marin Marine Policy and Management	(3+0)	
MMM3823	Pengurusan Sumber Manusia Maritim Maritime Human Resource Management	(3+0)		MMM 3653	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Maritim Maritime Occupational Safety and Health	(3+0)	
CCX3XX2	Kokorikulum Co-curriculum	(0+2)		CCM3112	Santuni Komuniti Community Care	(0+2)	
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
PSY3203	Modifikasi Tingkahlaku Behaviour Modification	(3+0)		PSY3983	Projek Ilmiah Tahun Akhir Final Year Research Project	(3+0)	Kaedah Penyelidikan & Statistik dan analisis Data
PSY3153	Psikologi Forensik Forensic Psychology	(3+0)		PSY3163	Motivasi dan Emosi Motivation and Emotion	(3+0)	
PSY3233	Psikologi Ketidakupayaan Psychology of Disability	(3+0)		PSY3183	Seminar Psikologi Maritim Maritime Psychology Seminar	(3+0)	
MMM3753	Pemasaran Perkhidmatan Maritim Maritime Services Marketing	(3+0)		PSY3193	Psikologi Kejuruteraan Maritim Maritime Engineering Psychology	(3+0)	
MMM 3913	Undang-undang Laut Law of the Sea	(3+0)		MMM3933	Pengurusan Logistik Global Global Logistics Management	(3+0)	
MMM3843	Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan Global Global Port and Shipping Management	(3+0)		MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa National Aspirations	(2+0)	
				BBB3033	English for Occupational Purposes	(3+0)	
JUMLAH		18		JUMLAH		20	
SEMESTER 7							
PSY3978	Latihan Industri Industrial Training	8 (0+8)					
JUMLAH		8					
	JUMLAH KREDIT KESELURUHAN	124					

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti Program Survival dan Keselamatan Air serta Kursus Kepintaran Buatan Untuk Pemula (MCBS10017) sebagai syarat bergraduat.

INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
BACHELOR OF PSYCHOLOGY AND MARITIME MANAGEMENT (HONOURS)
SESSION 2026/2027

CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	PRE-REQUISITE	CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	PRE-REQUISITE
SEMESTER 1				**SEMESTER 2**			
BBB3022	The Art of Public Speaking	(2+0)		PSY3083	Health Psychology	(3+0)	
MPU3102	Elementary Malay Language	(2+0)		PSY3053	Biological Psychology	(3+0)	
MPU3152	Integrity & Anti-Corruption	(2+0)		PSY3023	Cognitive Psychology	(3+0)	
PSY3063	Ethics in psychology	(3+0)		PSY3173	Social Psychology	(3+0)	
PSY3013	History of Psychology	(3+0)		PSY3043	Personality Psychology	(3+0)	
PSY3033	Developmental Psychology	(3+0)		PSY3073	Research Methodology	(3+0)	
PSY3003	Introduction to Psychology	(3+0)			*Elective	(2+0)	
Total		18		Total		20	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
PSY3113	Statistic and Data Analysis	(3+0)		PSY3093	Psychological Testing	(3+0)	
PSY3213	Industrial & Organizational Psychology	(3+0)		PSY3123	Clinical Psychology	(3+0)	
PSY3223	Neuropsychology	(0+3)		PSY3133	Counselling Psychology	(3+0)	
PSY3103	Abnormal Psychology	(3+0)		PSY3143	Positive Psychology	(3+0)	
MMM3763	Principle of Maritime Management	(3+0)		MMM3883	Marine Policy and Management	(3+0)	
MMM3823	Maritime Human Resource Management	(3+0)		MMM3653	Maritime Occupational Safety and Health	(3+0)	
CCX3XX2	Co-curriculum	(0+2)		MMM3653	Maritime Occupational Safety and Health	(0+2)	
Total		20		Total		20	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
PSY3203	Behaviour Modification	(3+0)		PSY3983	Final Year Research Project	(3+0)	Research Methodology & Statistic and Data Analysis
PSY3153	Forensic Psychology	(3+0)		PSY3163	Motivation and Emotion	(3+0)	
PSY3233	Psychology of Disability	(3+0)		PSY3183	Maritime Psychology Seminar	(3+0)	
MMM3753	Maritime Services Marketing	(3+0)		PSY3193	Maritime Engineering Psychology	(3+0)	
MMM3913	Law of the Sea	(3+0)		MMM3933	Global Logistics Management	(3+0)	
MMM3843	Global Port and Shipping Management	(3+0)		MPU3162	Malaysian Citra	(2+0)	
				BBB3033	English for Occupational Purposes	(3+0)	
Total		18		Total		20	
SEMESTER 7							
PSY3978	Industrial Training	8 (0+8)					
Total		8					
TOTAL CREDIT		**124**					

Notes:

1. **Students are required to undertake the Survival and Water Safety Program and *Artificial Intelligence for Beginner* (MCBS10017) as a condition to graduate.**
2. *** Elective course (2 credit hours) from any department/faculty that offers the elective courses to fulfill the graduation requirements.**

SINOPSIS KURSUS

Sinopsis Kursus Teras Program

PSY3003 Pengantar Psikologi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini fokus kepada konsep asas psikologi dalam memahami tingkah laku manusia. Pada akhir kursus ini, pelajar sepatutnya dapat memahami pengetahuan asas psikologi dan dapat menggunakannya dalam kehidupan seharian.

PSY3013 Sejarah Psikologi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka asas sejarah psikologi dan evolusi sebagai disiplin saintifik. Ia mengkaji pengaruh falsafah, budaya dan saintifik utama yang membentuk pemikiran psikologi awal dan pemikiran utama, seperti strukturalisme, fungsionalisme, psikoanalisis, behaviorism, dan psikologi kognitif. Penekanan diberikan kepada pemahaman sumbangan tokoh utama dan konteks sejarah kepada psikologi moden. Pelajar akan menganalisis secara kritis bagaimana perspektif sejarah mempengaruhi teori dan amalan kontemporari, memupuk penghayatan bidang psikologi yang sentiasa berkembang secara dinamik.

PSY3023 Psikologi Kognitif

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Psikologi Kognitif adalah kursus yang meneroka proses mental yang terlibat dalam persepsi, ingatan, perhatian, bahasa, penyelesaian masalah, dan pembuatan keputusan. Pelajar akan mengkaji bagaimana otak memproses, menyimpan, dan mengambil semula maklumat, serta bagaimana proses-proses ini mempengaruhi tingkah laku. Kursus ini merangkumi konsep-konsep utama, teori, dan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk memahami fungsi kognitif, dengan aplikasi praktikal dalam bidang seperti pendidikan, teknologi, dan kehidupan seharian. Dengan mempelajari psikologi kognitif, pelajar akan memperoleh wawasan tentang mekanisme yang mendasari pemikiran dan tingkah laku manusia.

PSY3033 Psikologi Perkembangan

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan pemahaman mengenai perkembangan manusia, memperkenalkan teori-teori yang relevan yang digunakan dalam bidang ini serta ciri-ciri dan tugas utama perkembangan individu pada setiap fasa dalam rentang hayat.

PSY3043 Psikologi Personaliti

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep personaliti, pendapat tentang psikologi personaliti, jenis-jenis psikologi, faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti, cara berurusan dengan pelbagai personaliti dan cara untuk meningkatkan keberkesanan personaliti individu dalam masyarakat.

PSY3053 Psikologi Biologi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka asas biologi tingkah laku dengan mengkaji bagaimana otak dan sistem saraf mempengaruhi pemikiran, emosi, dan tindakan. Ia merangkumi struktur sel saraf, sinaps, anatomi otak, genetik, evolusi, neuroplastisiti, neurokimia, serta asas biologi pemprosesan deria, pergerakan, tidur, emosi, kognisi, dan gangguan psikologi. Pelajar akan mempelajari konsep utama dalam neurobiologi dan memperoleh pemahaman tentang plastisiti otak, fungsi kognitif, dan pengawalan emosi. Pada akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menganalisis dan memahami asas biologi dalam tingkah laku, gangguan psikologi, serta menerapkan kaedah penyelidikan dalam bidang neurosains.

PSY3063 Etika dalam Psikologi

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar etika dalam psikologi. Pelajar akan meneroka pengetahuan, penyelidikan, aplikasi setiap piawaian etika kepada spektrum luas merangkumi peranan saintifik, pengajaran, dan profesional ahli psikologi. Kursus ini membimbing pelajar untuk menggunakan prinsip dan piawaian etika dengan berkesan untuk menjalankan kerja mereka secara moral, mengelakkan pelanggaran etika, dan, yang paling penting, memelihara dan melindungi hak asasi dan kebajikan mereka yang terlibat.

PSY3073 Kaedah Penyelidikan

- Jam Kredit : 4 (4+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pemahaman yang komprehensif kepada pelajar tentang metodologi penyelidikan, dengan tumpuan kepada konsep, prinsip, dan proses asas yang terlibat dalam menjalankan penyelidikan. Ia bertujuan untuk membangunkan keupayaan pelajar dalam membangunkan projek penyelidikan sambil mematuhi garis panduan etika. Kursus ini merangkumi reka bentuk penyelidikan kuantitatif, kualitatif, dan kaedah campuran.

PSY3083 Psikologi Kesihatan

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam memahami faktor psikologi, tingkah laku, dan sosial yang mempengaruhi kesihatan dan penyakit. Kursus ini menekankan model biopsikososial, dengan memberi tumpuan kepada bagaimana teori dan penyelidikan psikologi menyumbang kepada promosi kesihatan, pencegahan penyakit, dan pengurusan penyakit kronik. Pelajar akan meneroka topik seperti tingkah laku kesihatan, tekanan dan mekanisme daya tindak, interaksi antara pesakit dan penyedia perkhidmatan kesihatan, serta intervensi psikologi untuk pelbagai keadaan kesihatan. Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya dapat menganalisis tingkah laku berkaitan kesihatan, menerapkan prinsip psikologi dalam promosi kesihatan, serta menilai pendekatan psikologi dalam pengurusan penyakit dan peningkatan kesejahteraan.

PSY3093 Pengujian Psikologi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip asas pengukuran piawai dalam bidang psikologi. Aspek kebolehpercayaan, kesahan, serta proses pembangunan instrumen seperti ujian kecerdasan, personaliti, dan lain-lain akan dibincangkan. Pada akhir kursus, pelajar akan memahami prinsip-prinsip ujian dan pengukuran serta mahir menggunakan alat pengukuran dan melaksanakan amalan penilaian dengan berkesan.

PSY3103 Psikologi Bilazim

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan pengenalan, teori, dan konsep asas berkaitan tingkah laku bilazim, termasuk pelbagai jenis neurosis dan psikosis. Selain itu, kursus ini turut memberi penekanan kepada aspek diagnosis serta rawatan bagi kecelaruan psikologi.

PSY3113 Statistik dan Analisis Data

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pengetahuan asas dalam statistik dan analisis data, merangkumi konsep utama seperti skala pengukuran, kecenderungan pusat, penyebaran, taburan normal, dan pengujian hipotesis. Ia juga meneroka teknik persampelan, ujian parametrik dan bukan parametrik termasuk ujian t, ANOVA, Mann-Whitney U, dan Chi-Square. Pelajar akan diberi pendedahan praktikal menggunakan IBM SPSS untuk kemasukan data, analisis, dan interpretasi. Kursus ini diakhiri dengan pembentangan dan pelaporan keputusan, melengkapkan pelajar dengan kemahiran penting untuk analisis data.

PSY3123 Psikologi Klinikal

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang bidang psikologi klinikal yang memfokuskan kepada aplikasi praktikal dan amalan terkini. Kandungan kursus ini terbahagi kepada tiga seksyen: gambaran umum tentang isu-isu psikologi, penaksiran psikologi dan intervensi psikologi. Topik-topik yang dipelajari termasuklah peranan ahli psikologi klinikal, kaeddah pengukuran psikologi dan strategi rawatan bagi pelbagai keadaan kesihatan mental. Pelajar akan mempelajari tentang model saintis-pengamal, memahami bagaimana menilai kesahan dan kebolehpercayaan pengukuran psikologi menggunakan bukt empirikal, dan meneroka intervensi yang berasaskan bukti bagi merawat kecelaruan mental yang disenaraikan di dalam DSM-5-TR. Pada akhir kursus ini, pelajar sepatutnya boleh mengaplikasikan prinsip psikologi klinikal, membuat kritikan terhadap alat pengukuran dan menerangkan rawatan yang berkesan bagi masalah psikologi.

PSY3133 Psikologi Kaunseling

- Jam Kredit : 4 (4+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar prasiswazah psikologi dengan pengetahuan asas dan kompetensi praktikal dalam bidang psikologi kaunseling sebagai persediaan untuk peranan membantu dalam persekitaran klinikal dan komuniti. Kursus ini ditawarkan bagi memberi pendedahan profesional terhadap prinsip teraputik, standard etika dan intervensi psikologi berasaskan bukti dalam program pengajian psikologi. Kandungan kursus merangkumi konsep teras psikologi kaunseling, pengambilan sejarah klien, konseptualisasi kes, amalan etika, serta pendekatan terapi utama seperti Terapi Kognitif Tingkah Laku (CBT), Modifikasi Tingkah Laku, Terapi Berfokuskan Penyelesaian, Dialectical Behavioral Therapy (DBT), Cognitive Remediation Therapy, Kaunseling Ketagihan, Terapi Reminiscence, Acceptance and Commitment Therapy (ACT) dan Kaunseling Rehabilitasi. Melalui sesi praktikal berstruktur, lakonan peranan dan latihan berpandukan penyeliaan, pelajar membangunkan kemahiran asas kaunseling dan mengaplikasikan teknik psikoterapi dalam situasi simulasi kehidupan sebenar. Pada akhir kursus, pelajar berupaya menilai keperluan klien, membina konseptualisasi kes secara sistematik, merancang intervensi teraputik yang sesuai, mematuhi garis panduan etika serta mempamerkan kompetensi asas kaunseling yang relevan dengan amalan profesional.

PSY3143 Psikologi Positif

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam psikologi positif. Rasional kursus ini adalah untuk memupuk pertumbuhan personal, kesejahteraan, dan pembangunan kekuatan manusia. Kandungan kursus memberi tumpuan kepada pemahaman emosi positif dan kekuatan watak seperti empati, altruisme, kesyukuran, kelekatan dan kasih sayang, serta meneroka dapatan penyelidikan dan aplikasi praktikal prinsip psikologi positif. Pada akhir kursus, pelajar diharapkan menunjukkan keupayaan untuk memupuk dan menggunakan kekuatan psikologi positif dengan berkesan dalam konteks peribadi dan sosial.

PSY3153 Psikologi Forensik

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada psikologi forensik, yang menumpukan pada persimpangan antara psikologi dan sistem perundangan. Ia merangkumi topik seperti keterangan pakar, penyiasatan jenayah, pengesanan penipuan, kebolehpercayaan saksi mata, mangsa kanak-kanak dan hak penjagaan, sistem perundangan di Malaysia, penyakit mental di mahkamah, penilaian risiko dan keganasan, psikopati, pesalah muda, keganasan rumah tangga, pesalah seksual, dan tingkah laku pembunuhan. Pelajar akan meneroka prinsip psikologi yang mendasari tingkah laku jenayah, teknik penyiasatan, dan pemulihan pesalah sambil meneliti nuansa budaya dan perundangan, khususnya di Malaysia. Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya mampu menganalisis aspek psikologi kes perundangan, menilai risiko, dan menerapkan konsep psikologi forensik dalam konteks perundangan dan budaya.

PSY3163 Motivasi dan Emosi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi pemahaman menyeluruh kepada pelajar mengenai proses psikologi yang mendasari motivasi dan emosi serta pengaruhnya terhadap tingkah laku manusia. Kursus ini ditawarkan dalam program psikologi bagi mengukuhkan keupayaan pelajar untuk menerangkan, menganalisis dan mengaplikasikan prinsip motivasi dan emosi dalam konteks peribadi, sosial dan profesional. Kandungan kursus merangkumi teori utama motivasi dan emosi, perspektif biologi, kognitif, tingkah laku dan sosiobudaya, faktor yang mempengaruhi tingkah laku bermotivasi, regulasi emosi serta interaksi antara motivasi, emosi dan kesejahteraan. Pelajar juga meneliti aplikasi dalam situasi sebenar seperti penetapan matlamat, prestasi dan tingkah laku sosial serta menjalankan aktiviti seperti analisis kes dan penyediaan pembentangan berkaitan motivasi. Pada akhir kursus, pelajar berupaya menerangkan konsep utama, menganalisis faktor biopsikososial yang mempengaruhi motivasi dan emosi serta mengaplikasikan prinsip tersebut untuk meningkatkan perkembangan diri, fungsi sosial dan hasil tingkah laku.

PSY3173 Psikologi Sosial

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan pemahaman psikologi sosial. Rasional kursus ini adalah untuk membolehkan mereka menganalisis tingkah laku manusia dalam konteks sosial. Kandungan kursus merangkumi konsep utama seperti persepsi, sikap, stereotaip, tarikan interpersonal, hubungan rapat, pengaruh sosial, tingkah laku prososial, dan agresif, di samping memperkenalkan teori dan dapatan penyelidikan yang berkaitan dalam psikologi sosial. Pada akhir kursus, pelajar diharapkan dapat menunjukkan keupayaan untuk menganalisis konsep psikologi sosial dan menerangkan tingkah laku sosial dengan berkesan.

PSY3203 Modifikasi Tingkah Laku

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan bagi memperlengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menjalankan terapi dan prosedur modifikasi tingkah laku. Kursus ini memfokuskan kepada pengukuran tingkah laku, prinsip asas modifikasi tingkah laku, etika modifikasi tingkah laku dan pelbagai terapi dan prosedur modifikasi tingkah laku. Para pelajar akan didedahkan dengan teknik pemerhatian dan pengukuran tingkah laku, prosedur untuk menghasilkan tingkah laku baharu, prosedur bagi meningkatkan tingkah laku diingini dan mengurangkan tingkah laku tidak diingini serta prosedur perubahan tingkah laku yang lain. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat merekabentuk dan mengaplikasikan pelbagai prosedur dan terapi modifikasi tingkah laku dalam perkhidmatan menolong.

PSY3213 Psikologi Industri dan Organisasi

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas dan pemahaman mendalam mengenai psikologi dalam konteks organisasi dan pekerjaan. Penawaran kursus ini dalam program pengajian adalah penting bagi memastikan graduan mampu memahami tingkah laku manusia di tempat kerja, menggunakan teori psikologi yang relevan, serta mengaplikasikan metodologi penyelidikan untuk meningkatkan keberkesanan organisasi dan kesejahteraan pekerja, selaras dengan kehendak profesional dalam bidang psikologi organisasi, sumber manusia, dan pengurusan. Kandungan kursus merangkumi konsep asas psikologi industri dan organisasi, tingkah laku pekerja, motivasi, kepuasan kerja, tekanan, pemilihan dan latihan pekerja, pembangunan kepimpinan, serta penyelidikan dan penilaian psikologi di tempat kerja. Pada akhir kursus, pelajar berupaya menganalisis isu psikologi di tempat kerja, memilih strategi intervensi yang sesuai, dan mengaplikasikan prinsip psikologi untuk memperbaiki prestasi organisasi dan kesejahteraan pekerja secara beretika dan profesional.

PSY3223 Neuropsikologi

- Jam Kredit : 8 (8+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran praktikal dalam bidang neuropsikologi sebagai komponen teras dalam program pengajian psikologi, dengan penekanan terhadap pemahaman hubungan antara struktur otak, proses kognitif dan tingkah laku. Kursus ini ditawarkan bagi melengkapkan pelajar dengan perspektif saintifik mengenai perkembangan neuro manusia, plastisiti neural, hubungan otak–tingkah laku serta kesan gangguan neurologi dan psikiatri. Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah utama dalam penilaian neuropsikologi, termasuk pentadbiran, penskoran dan interpretasi ujian piawai, di samping penyiasatan berasaskan makmal dan pembelajaran berasaskan kes. Pada akhir kursus, pelajar akan memperoleh pemahaman bersepadu tentang fungsi otak dan tingkah laku serta membangunkan kompetensi praktikal dalam mengaplikasikan prosedur penilaian neuropsikologi dan teknik makmal dalam konteks klinikal dan penyelidikan.

PSY3233 Psikologi Ketidakupayaan

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada perspektif psikologi terhadap ketidakupayaan sebagai komponen penting dalam program pengajian psikologi, yang merangkumi pemahaman teori dan aplikasi praktikal. Kursus ini ditawarkan bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang bagaimana proses psikologi mempengaruhi pengalaman individu kurang upaya dalam pelbagai konteks sosial. Kursus ini merangkumi topik utama seperti model ketidakupayaan, stereotaip dan stigma, perkembangan identiti, daya tindak dan ketahanan diri, serta interaksi ketidakupayaan dengan jantina, kaum dan budaya. Kursus ini turut meneliti hubungan keluarga, pendidikan inklusif, penyertaan di tempat kerja, akses kepada perkhidmatan kesihatan dan rangka kerja dasar, dengan penekanan terhadap peranan psikologi dalam memperkasakan individu dan menggalakkan keterangkuman sosial. Pada akhir kursus, pelajar akan memperoleh pemahaman bersepadu tentang ketidakupayaan dari sudut psikologi serta implikasinya dalam mewujudkan persekitaran yang inklusif dan menyokong.

PSY3978 Latihan Industri

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi pengalaman pembelajaran berasaskan amali kepada pelajar prasiswazah psikologi melalui pendedahan berstruktur dalam persekitaran profesional sebenar di organisasi dan industri maritim, bagi membolehkan pelajar mengintegrasikan pengetahuan psikologi dengan amalan. Kursus ini ditawarkan untuk meningkatkan kesiapsiagaan pelajar terhadap peranan profesional dengan merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dan keperluan kompetensi di tempat kerja dalam bidang berkaitan psikologi. Kandungan kursus merangkumi aplikasi teori psikologi dalam amalan, pematuhan kepada standard etika dan kerahsiaan, pemerhatian tingkah laku, temu bual, prosedur penilaian, penglibatan dalam ujian psikologi serta pendokumentasian profesional. Pelajar juga didedahkan kepada tugasan berkaitan penyelidikan seperti menganalisis data psikologi secara kualitatif dan kuantitatif serta menilai intervensi berasaskan bukti dalam konteks organisasi atau komuniti. Melalui latihan berpandukan penyeliaan, refleksi dan aktiviti penyelesaian masalah, pelajar membangunkan pertimbangan profesional, kemahiran interpersonal dan kompetensi penyelidikan gunaan. Pada akhir kursus, pelajar berupaya melaksanakan tugasan psikologi asas di bawah penyeliaan, menganalisis isu psikologi di tempat latihan serta mempamerkan kemahiran dan etika profesional yang relevan dengan kerjaya dalam bidang psikologi.

PSY3983 Projek Ilmiah Tahun Akhir

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : PSY3073 Kaedah Penyelidikan; PSY3113 Statistik dan Analisis Data

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengalaman praktikal kepada pelajar dalam melaksanakan penyelidikan psikologi secara kendiri sebagai komponen teras dalam program pengajian psikologi, sekali gus mengintegrasikan pengetahuan teori dengan penyelidikan saintifik. Kursus ini ditawarkan bagi melengkapkan pelajar dengan kompetensi penting dalam pelaksanaan penyelidikan, pengumpulan data dan analisis merentas pelbagai bidang psikologi, termasuk psikologi maritim, kognitif, perkembangan, biologi, klinikal, kesihatan, kaunseling, sosial, motivasi, forensik dan tingkah laku. Pelajar akan mengaplikasikan kaedah penyelidikan saintifik dan teknik analisis data bagi mentafsir dapatan empirikal mengikut piawaian etika dan profesional. Pada akhir kursus, pelajar akan memperoleh keupayaan untuk menjalankan penyelidikan secara sistematik, menyampaikan hasil kajian dengan berkesan melalui pembentangan, serta menghasilkan laporan saintifik dalam bentuk artikel jurnal, sekali gus memperkukuh kemahiran penyelidikan dan sumbangan kepada pengetahuan psikologi.

Sinopsis Kursus Minor

MMM3823 Pengurusan Sumber Manusia Maritim

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam Pengurusan Sumber Manusia (HRM) dengan meneroka konsep, strategi, dan amalan utama dalam mengurus tenaga kerja secara efektif. Kursus ini merangkumi asas HRM, pengurusan strategik sumber manusia, analisis kerja, perancangan sumber manusia, pengambilan pekerja, pemilihan, latihan dan pembangunan, pengurusan prestasi, pengurusan pampasan, insentif kewangan, serta kesihatan dan keselamatan pekerja. Pelajar akan memahami peranan HRM dalam kelebihan daya saing, pertimbangan etika dalam amalan HR, serta undang-undang buruh di Malaysia yang berkaitan dengan fungsi HR. Pada akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menganalisis cabaran HR, membangunkan strategi HR, dan mengaplikasikan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga kerja.

MMM3653 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Maritim

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirangka bagi memberikan pemahaman menyeluruh tentang ekosistem maritim serta pengenalan kepada komponen yang terlibat dalam operasi kluster maritime yang merangkumi operasi perkapalan, pelabuhan dan logistik. Ia turut memberi tumpuan kepada kefahaman mengenai interaksi ekosistem maritim dengan keperluan Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Penekanan juga diberikan terhadap keupayaan kluster maritim untuk menyesuaikan diri seiring dengan tahap daya saing dan dinamik perdagangan antarabangsa.

MMM3753 Pemasaran Perkhidmatan Maritim

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pemahaman menyeluruh mengenai strategi dan amalan pemasaran dalam industri perkhidmatan, dengan tumpuan khusus kepada perkhidmatan maritim. Ia merangkumi prinsip asas pemasaran perkhidmatan, penglibatan pelanggan, strategi penetapan harga, dan komunikasi promosi. Pelajar akan meneroka peranan pekerja perkhidmatan pelanggan, proses penyampaian perkhidmatan berkualiti, serta strategi pemasaran digital dalam sektor maritim. Kursus ini juga meneliti kelebihan daya saing dalam organisasi perkhidmatan maritim, kegagalan perkhidmatan, strategi pemulihan, dan pengekalan pelanggan. Pada akhir kursus, pelajar akan memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan strategi pemasaran yang berkesan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam industri maritim.

MMM3763 Prinsip Pengurusan Maritim

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada prinsip asas pengurusan, termasuk definisi, fungsi, dan proses pengurusan. Ia meneroka aspek utama pengurusan seperti hubungan organisasi, etika, pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, kepimpinan, motivasi, dan kawalan. Pelajar juga akan mempelajari struktur organisasi, strategi perancangan, serta teknik pengurusan seperti analisis SWOT dan proses pembuatan keputusan. Selain itu, kursus ini memberikan gambaran keseluruhan tentang pengurusan maritim, merangkumi definisi industri maritim, sektor utama, istilah, dan isu semasa yang mempengaruhi industri ini. Pada akhir kursus, pelajar akan memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk menerapkan prinsip pengurusan secara berkesan dalam pelbagai konteks organisasi dan maritim.

MMM3843 Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan Global

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dasar dan rangka kerja perundangan yang dilaksanakan dalam pengurusan marin di peringkat antarabangsa, serantau, dan nasional. Ia merangkumi pemahaman umum tentang laut, penggunaan sumber daya marin, pembangunan, serta isu-isu dalam pengurusan marin. Seterusnya, kursus ini mengkaji bagaimana konsep dan model pengurusan laut (contohnya, pengurusan zon pesisir bersepadu, kawasan perlindungan marin, dan pengurusan perikanan berasaskan komuniti) mempengaruhi pengurusan perairan maritim Malaysia.

MMM3883 Polisi dan Pengurusan Marin

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memperkenalkan dasar serta rangka kerja perundangan yang dilaksanakan dalam pengurusan marin di peringkat antarabangsa, serantau dan nasional. Perbincangan merangkumi pemahaman tentang laut secara umum, penggunaan sumber marin, pembangunan serta isu-isu dalam pengurusan marin serta implikasinya terhadap operasi pelabuhan, pengurusan kapal dan perdagangan maritim global. Kursus ini seterusnya meneliti bagaimana konsep dan model pengurusan laut (seperti pengurusan zon pesisir pantai bersepadu, kawasan perlindungan marin dan pengurusan perikanan berasaskan komuniti) mempengaruhi pengurusan perairan maritim Malaysia.

MMM3913 Undang-undang Laut

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan rangka kerja undang-undang laut antarabangsa berkaitan bidang kuasa maritim; bagaimana sesebuah negara menetapkan sempadan maritim, hak dan kewajipan yang wujud dalam zon maritim seperti garis dasar, laut wilayah dan zon bersebelahan, zon ekonomi eksklusif, pelantar benua, perlombongan luar pesisir dan bawah laut, serta proses penyelesaian pertikaian berhubung laut dan sumbernya. Isu-isu lain yang berkaitan juga akan dikaji, termasuk isu sempadan, perikanan, keselamatan maritim, penyelidikan saintifik marin dan pencemaran laut.

MMM3933 Pengurusan Logistik Global

- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Gambaran keseluruhan dan konsep logistik serta sistem pengedaran fizikal. Elemen, komponen, dan pembangunan dalam pengurusan logistik. Cabaran dan perkembangan masa hadapan. Pengurusan kualiti menyeluruh, just-in-time, dan respons pelanggan yang cekap. Pengurusan inventori, aliran bahan, dan pengangkutan. Kemudahan pergudangan serta analisis susun atur dan reka bentuknya. Seminar dan lawatan ke pelabuhan serta syarikat perkapalan..

PSY3183 Seminar Psikologi Maritim

- Jam Kredit : 3 (0+3)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada bidang psikologi maritim serta peranannya dalam meningkatkan keselamatan, kesihatan mental dan prestasi manusia dalam industri maritim. Kursus ini ditawarkan untuk memperluaskan aplikasi psikologi dalam persekitaran berisiko tinggi dan kritikal keselamatan. Kursus ini memberi tumpuan kepada asas dan skop psikologi maritim, psikologi positif dan kesejahteraan di laut, pengurusan tekanan dan keletihan pekerjaan, mabuk laut, komunikasi risiko semasa bencana maritim, reka bentuk kapal dan ergonomik, serta penilaian psikometrik dalam konteks maritim. Pelajar turut didedahkan kepada latihan praktikal pertolongan cemas psikologi, pertolongan cemas perubatan asas dan kemahiran asas kelangsungan hidup di laut sebagai nilai tambah dalam pengendalian situasi kecemasan. Melalui kuliah, perbincangan, analisis kes dan pembentangan seminar, pelajar akan dapat mengaplikasikan prinsip psikologi, mengorganisasi strategi pengurusan tekanan, serta meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan dalam persekitaran maritim.

PSY3193 Psikologi Kejuruteraan Maritim

- Jam Kredit : 3 (0+3)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk membawa pelajar psikologi diperingkat sarjana muda menyelami dunia dinamik dalam kejuruteraan maritim, dengan memberi fokus kepada interaksi kompleks faktor-faktor psikologi dalam industri maritim. Pelajar akan mempelajari cara menganalisis bagaimana kognitif manusia, kerja berpasukan dan daya tahan mempengaruhi operasi, keselamatan, dan kesejahteraan dalam industri maritim. Pada akhir kursus ini, pelajar akan memperoleh pemahaman menyeluruh tentang dimensi psikologi dalam kejuruteraan maritim, yang membolehkan mereka menyumbang kepada peningkatan keselamatan, kecekapan, dan kesihatan mental profesional maritim.

Sinopsis Kursus Teras Universiti

Kursus : BBB3033 English For Occupational Purposes
Kredit : 3 (3+0)

The course will cover a range of topics that is related to occupational needs such as writing a resume, memorandum, and proposal, speaking during a job interview and meeting, and presenting ideas in front of an audience. Learners will learn common language functions and to utilise them appropriately in workplace situations. Exercises and practical in-class sessions will be conducted to give learners some insight into English communication needs in the workplace.

Kursus : MPU3223 Asas Keusahawanan
Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada
Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas bidang keusahawanan. Pelajar juga akan melakukan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada membina minda keusahawanan sebagai persediaan awal menempuhi alam kerjaya kelak.

MPU3132 : Penghayatan Etika dan Peradaban
Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkaitkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

MPU3142 : Falsafah dan Isu Semasa
Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik, dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

HUBUNGI KAMI



Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

09 633 4222
fbesd@umt.edu.my
https://fbesd.umt.edu.my/
www.facebook.com/OfficialFBESD